

SULIT

2216/1

Kesusasteraan Melayu
Peningkatan Akademik SPM
November
2022

2 ½ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF
KERTAS 1**

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan Bahagian A.*
3. *Jawab mana-mana tiga soalan Bahagian B.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan berasingan. Sekiranya terdapat kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1.

Hari Jumaat pergi memukat,
Orang menangguk ikan di kali;
Minta maaf belum berhajat,
Datang menengok, bukan membeli.

Empat lima kuda di medan,
Kuda tengkot ke depan juga;
Bukan panglima rupanya tuan,
Makanya takut masuk berniaga.

Dipetik daripada antologi *Nilai Insan*

(a) Nyatakan jenis puisi tersebut.

[1 markah]

(b) Berikan tiga bentuk yang terdapat dalam petikan puisi tersebut.

[3 markah]

2.

Maka kata budak miskin itu, "Harap diampun Duli Tuanku Syah Alam, akan patik ini orang yang hina miskin ini, patik pohonkan cincin tuanku yang ada dalam mulut tuanku serta patik haraplah sangat-sangat kepada tuanku."

Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu seraya katanya, "Baiklah, kerana engkau sudah kuambil jadi cucu kepada aku dan jikalau lain daripada engkau tiadalah aku berikan cincinku ini. Adapun akan gunanya cincin ini terlalu amat kesaktiannya."

Dipetik daripada antologi *Nilai Insan*

Nyatakan dua pengajaran berserta contoh dalam petikan tersebut.

[4 markah]

3.

Marilah kembali ke rumah nurani
 rumah diri yang tersergam di tanah batini
 perabungnya teguh berpaksikan akal budi
 bumbungnya tegal beratap insani
 walau datang desir dari langit serakah
 kau tetap gagah menaungi rumah peribadi
 yang indahny menawan mata kagum
 dalam redup luhur mendepani lorong-lorong
 sepanjang lebu kehidupan.

Dipetik daripada sajak *Kembali ke Rumah Nurani*
 karya Husna Nazri

Nyatakan dua gaya bahasa berserta contoh dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

4.

MAT PIAH: Serangan Siam apa pula ? Mana ada Siam di sini. Wat Siam adalah.
 Nun di Jalan Burma ! (*muncungkan mulut menunjuk satu arah*).

BLACKWAY: Itu bunyi meriam! Awak tak dengar ke? Sultan Abdullah sudah
 berpakat dengan Siam mahu sula saya! (*BLACKWAY ketakutan menutup muka
 sambil mencuri-curi melihat MAT PIAH dari celah jari-jemarinya*).

MAT PIAH: Bunyi meriam? Sultan Abdullah? Tuan merapu apa ni? Yang tu
 bunyi motor mat rempit, tuan oi! Mat rempit! Tahu?

Dipetik daripada *Mat Piah dan Mr. Blackway*
 karya Mahizan Husain

Nyatakan dua teknik penulisan drama berserta contoh yang terdapat
 dalam petikan tersebut. [4 markah]

5.

Pada satu malam, ketika kocakan meriakkan getaran kasih, kami pernah melakar wajah cinta pada sayap kerlipan bintang-bintang.

Kami melontar mimpi cinta dari dasar laut masin ke jantung angkasa tanpa sempadan. Kami menanti malam bulan purnama mengambang untuk bersatu. Tentu engkau arif Lin, dalam tradisi karang laut perkahwinan antara kami berlaku pada saat-saat itu dan pada hari ketujuh kami bertelur. Ah, keinginanku untuk melihat telur-telur putih susu yang ditetaskan hanya mimpi murni yang sudah tersedut ke teluk maut!

Kukira, tidak perlu aku terangkan kepadamu kerana kau bijak. Tentu engkau lebih tahu tentang tabiat dan habitat karang laut. Bahawa kami hanya membentuk satu per sepuluh daripada satu peratus keluasan lautan dunia.

Dipetik daripada cerpen *Kami Akan Mati, Lin*
oleh Saroja Theavy Balakrishnan

Nyatakan **dua** latar masa berserta contoh dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

6.

Siang malam para pengikutnya berusaha menyiapkan bahtera itu. Dia sendiri hanya melelapkan mata kira-kira empat jam setiap malam. Bila masa untuk menunjuk ajar dan mengarahkan tukang? Bila masa untuk memujuk anak lelakinya? Bila masa untuk mempengaruhi lebih banyak orang? Masanya hanya dua puluh empat jam sehari semalam. Dia mengejar masa, dan yang lebih penting berlumba dengan penyu raksasa laut. Sebaik-baiknya biarlah bahtera sudah terapung apabila penyu raksasa mula tinggalkan gua pulau karangnya.

Nakhoda terdengar suara riuh di bawah sana. Mungkin bergaduh. Segeralah dia turun dari dulang-dulang. Setibanya di geladak dia memerintahkan seseorang naik ke dulang-dulang.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
oleh Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** nilai berserta contoh dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

7.

Kami berpelukan kerana kejayaan yang tercapai walaupun aku tahu di sebalik ketawa Dol itu sebenarnya yang ada hanya kekosongan saja dalam dirinya sebagai penyanyi. Yang membalutnya bukan suara atau lagu atau irama atau nada yang memaknakan kemanusiaan, tetapi hanya kepalsuan yang terdedah melalui rambut gondrong, subang lanjut, rantai, dan gelang yang pelbagai, baju dan seluar yang sendat dan ketat, serta kasut but yang digunakan untuk masuk hutan belantara menebang banir sepemeluk dua.

Dol sebenarnya sedang bertelanjang. Dia tidak ada makna apa-apa pun, baik yang tersurat baik yang tersirat, walaupun peminatnya yang berjuta-juta jumlahnya kerana peminat itu pun berada dalam kosong, kosong, kosong, kosong dan 00000000000000 juga.

Dipetik daripada cerpen 000000000000
karya Shahnnon Ahmad

Berikan **satu** saranan terhadap watak Dol dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

8.

Aku tidak pernah menyesal kerana menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung cita-cita menjadi doktor seperti Along. Aku lebih menyesal kalau meninggalkan abah dalam kerinduan dan kesepian. Aku kira aku paling rapat dengan abah. Mungkin kerana aku satu-satunya anak perempuan abah.

Disebabkan abah juga aku menolak cinta Dr. Lokeman. Bagiku, lelaki itu sangat sofistikated, anak orang berada dan tidak pernah akan mengalah meninggalkan kotanya untuk mengikut aku tinggal di kampung yang masih tertinggal dan jauh daripada hidup yang moden serta lengkap dengan kemudahan.

Dipetik daripada cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*
oleh Fauziah Mohd Ismail

Huraikan **satu** pandangan terhadap watak 'aku' dalam petikan tersebut. [4 markah]

9.

SUARA GHAIB THOMAS CARPENTAR: Engkau akan tahu nanti. mereka tak sama seperti kita. Aku kira Zaki lebih setia kepada ibunya daripada engkau sendiri. Engkau akan ke tepi. Demikianlah manusia Timur Cintanya terhadap ibu dan saudaranya lebih daripada manusia Barat. Kita hidup atas kekuatan sendiri-sendiri. tetapi mereka bekerjasama, bergotong-royong itulah falsafah hidupnya. Engkau akan tahu nanti, sayang. Waktu itu engkau akan kehabisan air mata. Engkau tak akan sebulu dengan mereka, Ibumu, ibumu sendiri menjadi korban kekejaman mereka sebab berkahwin denganku. Ah, tak sampai hatiku melepaskan engkau pula ke tangannya! Tetapi, engkan sendiri berdegil. Apa yang dapat kubuat, sayang, selain melepaskan engkau dengan perasaan berat dan dukacita seorang ayah. Tapi, biarlah, engkau akan pulang juga kepadaku, akhirnya.....

Dipetik daripada drama *Anna*
oleh Kemala

Jelaskan satu pola fikir yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

10.

Pak Yasok benar-benar berasa terhiris akan kata-kata itu. Sepanjang hidupnya sebagai dalang wayang kulit, itulah penghinaan yang paling hina yang pernah diterimanya. Tok siak, pak lebai, dan imam masjid di kampungnya itu pun tak pernah menghina kerja-kerja seni Pak Yasok sebegitu rupa. Pak Yasok ke surau dan ke masjid seperti orang lain juga. Pak Yasok tetap berzakat dan menziarahi saudara jauh dekat yang sakit demam dan mati relai. Semuanya Pak Yasok pergi. Orang kampung tak pernah memusuhi Pak Yasok. Bahkan di bangsal wayang di halaman rumahnya itulah anak-anak muda kampung berkumpul, belajar menabuh gendang. Itu pun selepas solat Isyak apabila semua mereka selesai berjemaah di masjid kampung. Kalau ada sakit demam atau mati relai, latihan menabuhkan gong gendang dihentikan sebagai menghormati saudara-mara sekampung.

Dipetik daripada cerpen *Air Mata Dalang*
oleh Rahimidin Zahari

Huraikan dua unsur keagamaan yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **TIGA** soalan.

11. Baca puisi moden di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Wanita dan Laut

Wanita ialah laut
Tenang bermandikan cahaya
Sesekali menggempur ruang
Melambung perasaan.

Dan
Santun berteman kegelapan malam
Sesebenar memercik sinar
Mengayun dendam.

Dan
Indah bertentangan wajah
Kerap memeram, resah tersembunyi
Memerap mimpi.

Wanita, laut itu indah
Bersuara lantang dalam bisu
Diam berkaca dalam bicara
Adakala tak tertafsir erti
Adakala gah mengulum gua sepi.

Dan asin dan tawarnya bertempat
Iltizamnya membara hakikat
Kasih setianya tak bertakah
Peribadi amanah, cendekia dan berhemah.

Wanita,ibuku
Kakakku, nenekku dan aku
Anugerah-Nya yang istimewa amat
Untuk umat sejagat.

Wanita dan Laut karya Mahaya Mohd Yasin
antologi Kubentang Sehelai Peta

- (a) Jelaskan **nada** puisi tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** sanjungan terhadap wanita berserta contoh yang terdapat dalam puisi tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta sebuah sajak yang bertemakan **ketabahan**. Sajak tersebut hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

12. Berdasarkan *Sastera Epik: Hang Tuah Diutuskan ke Siam* dalam teks *Nilai Insan* :

- (a) Huraikan **tiga** ciri kepemimpinan yang terdapat pada watak Hang Tuah. [12 markah]

Sebermula Raja Melaka hendak mengutuskan ke Benua Siam. Maka pada hari baginda duduk semayam, maka baginda pun bertitah, "Hai mamak Bendahara, akan sekarang kita hendak mengutus ke Benua Siam, minta beli gajah pada rang barang empat ekor jantan, dua ekor betina ! Siapa baik kita suruhkan?" Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku Syah Alam, patik mohonkan ampun dan kurnia; jikalau lain daripada Laksamana adalah lambat pergi datang." Maka raja pun memandang kepada Laksamana, Laksamana pun menyembah. "Daulat tuanku, patiklah ke Benua Siam itu."

- (b) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi petikan tersebut kepada **dua rangkap pantun empat kerat**. [8 markah]

13. Berdasarkan cerpen *Profesor Sufi* karya A. Rahmad :

Pemuda itu terus menikam jarumnya. Dia tidak sabar-sabar lagi. Dia amat yakin, profesor yang datang untuk membuat kajian tentang ulama, tentulah pondok sasarannya. Kalau bukan pondok, di mana lagi? Tidak mungkin orang kota tahu tentang ulama. Orang kota macam Pak Supir tadi juga. Yang mereka tahu hanya mencari wang. Mana ada waktu untuk membelek buku, membaca kitab tentang orang sufi. Demikian tanggapan pemuda itu selepas dia kecewa dengan gelagat Pak Supir tadi. Entah benar atau tidak orang kota yang lain sama seperti supir itu dia pun tidak pasti.

- (a) Nyatakan **tiga** tanggapan Pemuda terhadap orang kota dalam petikan tersebut. [3 markah]
- (b) Huraikan **tiga** pengajaran dalam cerpen tersebut. [9 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan cerpen di atas supaya menjadi sebuah cerita yang menarik, bertemakan **kegigihan menuntut ilmu**. Panjang cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

14. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala :

- (a) Huraikan pemikiran drama tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan **empat** perwatakan Anna. [8 markah]

ANNA: Rumah tangga kita tiba pada nafasnya yang akhir. Aku kira susah hendak diselamatkan lagi.

ZAKI: Anna, apa yang engkau katakan ini?

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambungkan dialog tersebut supaya menjadi skrip drama yang mengandungi **tidak kurang daripada enam dialog**. [8 markah]

15. Berdasarkan cerpen *Perspektif* karya NF Abdul Manaf :

Surat ini bukan berniat jahat. Jauh sekali. Surat ini meletakkan perspektif sebenarnya kerana dunia puan dan dan suami puan terlalu dikelilingi oleh orang yang terlalu palsu. Yang berada di situ kerana ada habuan yang dinantikan. Jangan terpedaya. Kembalilah kepada kami. Berpakaianlah seperti kami agar kita dapat mengharungi air bah yang berlumpur bersama, menyelamatkan pokok-pokok yang ditebang sewenang-wenang untuk rumah merpati bernama kondominium atau memadamkan api rumah setinggan dan memasak nasi bubur untuk anak-anak yang kelaparan.

- (a) Nyatakan empat permintaan penulis surat dalam petikan. [4 markah]
(b) Berikan tiga saranan terhadap watak Sharifah dalam cerpen tersebut. [12 markah]
(c) Huraikan dua isu masyarakat dalam cerpen tersebut. [8 markah]

16. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan :

“Malam ini datanglah ke restoran makanan laut di Ture,” pelawa wakil itu kepada jeneral dan pegawai kanan pemerintahan provinsi, melalui telefon. “Kamu tahu di mana restoran itu, bukan? Ya, itu satu-satunya restoran makanan laut di sini! Tidak ada yang lain. Kita berjumpa di sana setengah jam selepas matahari terbenam.”

Ajakan yang kedengaran bersungguh-sungguh, fikir pegawai kanan itu. Ajakan yang ikhlas, fikir jeneral pula. Dia tidak menolak ajakan itu. Malam itu akan merupakan kali pertama mereka duduk bertiga, bersua muka, enam biji mata akan bertukar pandang, walau sebiji daripadanya tersembul macam ikan merah medak kahang.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*,
karya Anwar Ridhwan

- (a) Jelaskan **empat** teknik plot dalam petikan novel tersebut. [8 markah]
- (b) Huraikan **dua** gaya bahasa dalam petikan novel tersebut. [4 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel di atas supaya menjadi cerita yang lengkap. Panjangnya sambungan petikan cerpen hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT